

ZIARAH PU LABUAN KEPADA MANGSA KEBAKARAN DI JALAN SAWANGAN CINA, LABUAN

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2716-ziarah-pu-labuan-kepada-mangsa-kebakaran-di-jalan-sawangan-cina-labuan

LABUAN, 20 Nov 17 - Pangkalan Udara Labuan telah menziarahi mangsa-mangsa kebakaran rumah di Jalan Sawangan Cina, Labuan. Lawatan ini telah diketuai oleh Komander Pangkalan iaitu YBhg Brig Jen Dato' Sardon bin Hassan TUDM bagi menyampaikan sumbangan kewangan dan keperluan asas seperti barang dapur dan pakaian.

Sumbangan yang dikumpulkan oleh warga PU Labuan itu disampaikan oleh YBhg Komander Pangkalan dalam satu majlis ringkas di kejiranannya kawasan kebakaran tersebut. Salah seorang mangsa kebakaran tersebut adalah seorang peniaga di gerai Membedai PU Labuan. YBhg Komander Pangkalan dalam ucapan ringkasnya telah menzahirkan rasa simpati dan berharap keluarga yang terlibat bersabar dan dapat meneruskan kehidupan dengan lebih baik.

